KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

POLITEKNIK MALAYSIA MERLIMAU

# BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

## POLITEKNIK MERLIMAU

## SESI 1 2021



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK MERLIMAU
KB1031, Pejabat Pos Merlimau
77300 Merlimau, Melaka

**BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**
**SESI I 2021/2022**

## PENAUNG

HATTA BIN ZAINAL
Pengarah
Politeknik Merlimau

## PENASIHAT

MOHD HOIRIE BIN ABD MANAH
Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
Politeknik Merlimau

## EDITOR

Ts. ZAN AIZUWAN BIN HJ. ZAINAL ABIDIN
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Merlimau

## PENULIS

AZRINA BINTI MOHMAD SABIRI
Pegawai Hal Ehwal Pelajar (Pengambilan dan Data)
Politeknik Merlimau

## PERINGATAN PENTING

Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarya agar proses pendaftaran anda dapat berjalandengan lancar dan memulakan pengajian anda di politeknik denganselesa. Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana perkara tersebut di bawah tidak dipatuhi dan mengemukakan maklumat palsu. Jabatan Pengajian Politeknik, Kolej Komuniti (JPPKK) juga **berhak menarik balik tawaran tempat pengajian di PMM sekiranya terdapatpercanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke politeknik.**

## 01

Tawaran Kemasukan Pelajar akan di batalkan jika:

Memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:

- Kewarganegaraan
- Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir.
- Anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.

## 02

Jika pelajar mendapat tawaran program

- Diploma Seni Bina*
- Diploma Kejuruteraan Elektrik *
- Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)*
- Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)*
- Diploma Kejuruteraan Mekatronik*

Tetapi mempunyai rabun warna sama ada melalui pemeriksaan Doktor atau pun mempunyai simptom rabun warna perlu menghubungi pihak HEP dengan segera. **MOHON PELAJAR JUJUR KETIKA MENGISI BORANG AKUAN KESIHATAN.**

***Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**

## PANDUAN KE POLITEKNIK MERLIMAU




Koordinat GPS : N 2°10'6" E 102°25'38"

**WAZE : Politeknik Merlimau**

# ISI KANDUNGAN


| Perkara | Muka Surat |
|---|---|
| **BAHAGIAN 1: PENGENALAN** | |
| Perutusan Pengarah | 5 |
| Kata Aluan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar | 6 |
| Kenali PMM | 7 |
| Carta Organisasi Politeknik Merlimau Melaka | 8 |
| Jabatan Akademik | 9 |
| Jabatan Sokongan Akademik | 10 |
| Jabatan / Unit Sokongan | 11 |
| Visi / Misi / Moto / Dasar Kualiti Politeknik Merlimau Melaka | 12 |
| **BAHAGIAN 2: MAKLUMAT AM PENDAFTARAN** | |
| 2.1 Deklarasi Kesihatan MYPolyCCDec | 13 |
| 2.2 Proses Sebelum Pendaftaran Pelajar | 14 |
| 2.3 Proses Pendaftaran Pelajar Baharu | 14 |
| 2.4 Proses Selepas Pendaftaran Pelajar | 16 |
| 2.5 Proses Selepas Pendaftaran Kursus | 16 |
| 2.6 Jadual Yuran Pengajian & Yuran Asrama | 17 |
| 2.7 Kaedah Bayaran Yuran Pengajian | 18 |
| 2.8 Penempatan Kolej Kediaman | 23 |
| 2.9 Tajaan Pendidikan | 24 |
| 2.10 Proses Permohonan PTPTN | 25 |
| 2.11 Prosedur Permohonan Tuntutan Balik Yuran | 26 |
| 2.12 Proses Tuntutan Yuran Pengajian / Yuran Asrama | 27 |
| 2.13 Rupa Diri Pelajar Sepanjang Pengajian | 28 |
| 2.14 Kenderaan Pelajar | 31 |
| 2.15 kawasan Larangan Merokok | 31 |
| 2.16 Petikan Akta Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Akta 174) | 31 |
| 2.17 Perkara-perkara Lain | 35 |
| LAMPIRAN A: Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu (Atas Talian) | 36 |
| LAMPIRAN B: Manual Pengguna Aplikasi MyPolyCCDec | 38 |
| LAMPIRAN C: Manual Pengguna Permohonan Kamsis | 46 |
| SENARAI SEMAK | 47 |
| BORANG HEP 1 hingga HEP 6 | 48 |

# BAHAGIAN I

## PENGENALAN



# PERUTUSAN PENGARAH



*Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,*

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang berjaya mendapat tempat untuk menyambung pengajian di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM). Adalah diharapkan agar semua pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan dalam program yang dipilih seiring dengan misi Politeknik untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.

Saya amat berharap agar para pelajar baharu dapat menggunakan Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini sebagai panduan supaya sesi pendaftaran sebagai warga PMM nanti dapat berjalan dengan baik dan lancar. Akhir kata, saya dan seluruh warga PMM mengalu-alukan kedatangan para pelajar baharu dan mengharapkan agar setiap pelajar menggunakan peluang yang ada bagi mengukir kejayaan sebagai seorang insan yang cemerlang. Akhir kata SELAMAT MAJU JAYA.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Mohd Hatta bin Zainal
Pengarah
Politeknik Merlimau, Melaka

# KATA ALUAN KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR



*Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.*

*Kapal dagang dari sebarang,*
*Sarat muatan kayu meranti,*
*Dari jauh para pelajar datang,*
*Kami di Politeknik Merlimau sedia menanti.*

Lembaran baru telah bermula, selamat datang dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar baharu ke Politeknik Merlimau, Melaka (PMM). Harapan saya gunakanlah peluang ini untuk menimba ilmu dan mencipta kerjaya dan kemahiran diri dalam bidang pengajian yang diikuti di Politeknik ini. Menerusi Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu ini, diharap para pelajar dapat memahami keperluan dan perkara khusus dalam persediaan memasuki Kampus Politeknik Merlimau. Pembelajaran pada era Pasca Pendemik Covid-19 ini sangat mencabar. Harapan saya, semoga semua pelajar dapat menanamkan tekad dan azam untuk memberikan tumpuan dan tanggungjawab sebagai seorang pelajar yang cemerlang akademiknya malahan cemerlang dari aspek akhlak dan moralnya. Akhir kata, semoga maju jaya dan bersama membina masa hadapan yang gemilang di Politeknik Merlimau.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Ts. Zan Aizuwan bin Zainal Abidin
Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Merlimau, Melaka

## KENALI PMM




Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia terletak di daerah Jasin, 2 km dari pekan Merlimau, 24 km dari bandar Melaka dan 19 km dari bandar Jasin. Politeknik mula beroperasi pada 17 November 2002 dan telah mula mengambil pelajar perintis pada sesi kedua 2002 iaitu 23 Disember 2002. PMM telah beroperasi sepenuhnya dan menjadi salah satu nukleus yang penting kepada Merlimau. Politeknik Merlimau sendiri sejak penubuhannya tahun 2002 hingga kini telah melahirkan graduan yang mampu mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Sehingga tahun 2021, terdapat 5 jabatan akademik yang menawarkan 17 program di Politeknik Merlimau.

# CARTA ORGANISASI POLITEKNIK MERLIMAU



# JABATAN AKADEMIK



# JABATAN SOKONGAN AKADEMIK



## JABATAN / UNIT SOKONGAN

| JABATAN / UNIT SOKONGAN AKADEMIK |
|---|

- Jabatan Hal Ehwal Pelajar
- Unit Sukan, Kebudayaan & Kokurikulum
- Unit Perhubungan & Latihan Industri
- Unit Peperiksaan
- Unit Pengurusan Psikologi
- Unit Pengurusan Asrama
- Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan
- Unit Pentadbiran & Kewangan
- Unit Perpustakaan
- Unit Jaminan Kualiti & Akreditasi
- Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan
- Pusat e-Pembelajaran
- Unit Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Unit Pengantarabangsaan
- Unit Keusahawanan
- Unit Corporate Industrial Services and Employment Centre (CISEC)
- Unit Pembangunan & Selenggaraan

## VISI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

Menjadi Institusi TVET Yang UNGGUL

## VISI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

Menjadi Institusi TVET Yang UNGGUL

## MISI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

1.Membangunkan graduan TVET yang holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang melalui pendidikan yang dinamik seiring dengan revolusi industri terkini.
2.Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.
3.Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat, penyelidikan dan inovasi.

## MOTO POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

*Expertise For Excellence, X4X*

## DASAR KUALITI POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

"Dasar kualiti Politeknik Merlimau Melaka (PMM) adalah membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan di dalam bidang Kejuruteraan, Perdagangan dan Pelancongan & Hospitaliti melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PMM komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarkan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan". Semua Perkhidmatan Ini Akan Sentiasa Ditambah Baik Secara Berterusan Berasaskan Standard Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 & ISO 21001:2018.

# BAHAGIAN 2

## MAKLUMAT AM PENDAFTARAN



## 2.1 DEKLARASI KESIHATAN MYPolyCCDec

Aplikasi MyPolyDec adalah sistem **penilaian risiko yang berkaitan dengan Covid-19**. Pelajar Politeknik Merlimau **diwajibkan** untuk mengisi deklarasi kesihatan berkenaan dengan Covid -19 di pautan https://polydec.mypolycc.edu.my/ Pelajar juga dikehendaki mengemaskini maklumat vaksinasi dari semasa ke semasa dengan menggunakan pautan yang sama. Sila rujuk **Lampiran B** Manual penggunaan Aplikasi MyPolyDec.



## 2.2 PROSES SEBELUM PENDAFTARAN PELAJAR *(Online)*

a. Membuat setuju terima tawaran di portal rasmi **http://ambilan.mypolycc.edu.my**
b. Pastikan Borang Jawapan Tawaran (BJT) telah dihantar melalui POS.
c. Pastikan Borang Jawapan Tawaran yang telah dihantar adalah lengkap. (Semak di portal ambilan **http://ambilan.mypolycc.edu.my**)
d. Telah menjelaskan yuran pengajian RM 200.00
e. Membuka akaun Bank Islam bagi yang memohon pinjaman PTPTN
f. Membuka akaun mana-mana bank bagi memudahkan urusan pengagihan wang (jika ada) bagi pelajar yang tidak membuat pinjaman PTPTN.

## 2.3 PROSES PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU

a. Selepas 24 jam (hari bekerja) bayaran yuran dilakukan, bakal pelajar boleh membuat pendaftaran *online* di portal **http://www.jheppmm.com/portal/.**
b. Cetak Salinan slip pengesahan pendaftaran.
c. Lengkapkan Borang HEP 1 hingga HEP 6.
d. Lapor diri di Politeknik Merlimau (sekiranya diarahkan) dengan membawa:
   - Slip Pengesahan Pendaftaran *Online*
   - Sijil Asal Spm
   - Sijil Asal Berhenti Sekolah
   - Lain-lain Sijil Kelayakan Masuk Ke Politeknik (Cth: Sijil Kolej Komuniti, Sijil Kolej Vokasional).
   - Surat Asal Tajaan cth: MAIS, MAIP, YTN (jika ada).
   - Empat keping gambar bersaiz pasport terbaharu.

**Nota Penting:** Borang HEP 1 hingga HEP 6 (telah lengkap) perlu di pos ke Politeknik Merlimau pada **15 Oktober 2021**. Tarikh akhir penghantaran borang tersebut ke Politeknik Merlimau adalah pada **31 Oktober 2021**. (Bagi yang belum menghantar Borang Hep1 hingga HEP 6).

e. Sila rujuk proses pendaftaran *online* pada carta alir di bawah.

MULA

↓

Penghantaran Borang Jawapan Tawaran (BJT) melalui POS

↓

Borang Jawapan Tawaran (BJT) lengkap (Semak di portal http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp)

(Tidak Lengkap → kembali ke Penghantaran Borang Jawapan Tawaran (BJT) melalui POS)

↓

Menjelaskan yuran Pengajian RM 200 melalui kaedah yang dinyatakan. Rujuk kaedah pembayaran yuran di muka surat 18

↓

Pendaftaran Online boleh dilakukan selepas 24 jam pembayaran yuran. Portal pendaftaran di pautan berikut http://www.jheppmm.com/portal/




↓

Cetak Slip Pengesahan Pendaftaran *Online* (Rujuk Lampiran 4)

↓

TAMAT

## 2.4 PROSES SELEPAS PENDAFTARAN PELAJAR

a. Pastikan Slip Pengesahan Pendaftaran dicetak dan disimpan.

b. Sentiasa menyemak **Portal Pendaftaran** Politeknik Merlimau dan ***Group* Rasmi Pendaftaran Pelajar Baharu** Politeknik Merlimau bagi sebarang maklumat terkini mengenai pendaftaran, Minggu Haluan Siswa dan aktivit akademik pelajar.

c. Semua pelajar baharu **WAJIB** menjalani program **MINGGU HALUAN SISWA** yang akan bermula pada 20 September 2021 hingga 24 September 2021 secara **ATAS TALIAN**.

d. Selepas tamat Minggu Haluan Siswa, semua pelajar baharu akan mendaftar kursus bersama-sama dengan Penasihat Akademik (PA) masing-masing.

e. Pendaftaran kursus adalah wajib dilakukan oleh setiap pelajar bagi memastikan semua pelajar telah mendaftar kursus bagi semester 1.

f. Jadual dan maklumat mengenai aktiviti akademik akan dimaklumkan oleh Penasihat Akademik pelajar.

## 2.5 PROSES SELEPAS PENDAFTARAN KURSUS

a. Sesi perkuliahan akan bermula pada 27 September 2021 secara atas talian menggunakan perisian **MICROSOFT TEAM** (Rujuk Penasihat Akademik untuk penerangan lanjut).

b. Pelajar akan kembali secara fizikal ke Politeknik Merlimau **apabila diberitahu** oleh pihak HEP, Politeknik Merlimau.

## 2.6 JADUAL YURAN PENGAJIAN & ASRAMA

**JADUAL YURAN BAGI PELAJAR BAHARU SESI I 2021/2022**

| BIL. | JENIS BAYARAN | JUMLAH (RM) | KAEDAH BAYARAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Yuran Pengajian | 200.00 | Bayar melalui Perbankan Internet / Mesin ATM / Mesin Cash Deposit (CDM) **BIMB** atas nama **POLITEKNIK KPT** |
| 2. | Yuran Asrama | 60.00 | Bayar melalui Perbankan Internet / Mesin ATM / Mesin Cash Deposit (CDM) **BIMB** atas nama **POLITEKNIK KPT** |
| 3 | Segala perbelanjaan **pemeriksaan doktor ditanggung oleh pihak pelajar.** | | |

**Nota**:

a. Calon pelajar pada Sesi I 2021/2022 tidak perlu membuat bayaran yuran asrama **sehingga kehadiran fizikal pelajar ke Politeknik Merlimau yang akan dimaklumkan kemudian**.

b. Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

c. Politeknik **tidak akan bertanggungjawab** di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.

d. Setiap resit bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.

## 2.7 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN

### a. Kaedah menggunakan mesin *Cash Deposit* (CDM) BIMB

1. Pilih menu YURAN IPT.




Gambarajah 1

2. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar.




Gambarajah 2

3. Klik Menu Politeknik KPT untuk Yuran Pengajian (RM 200)




Gambarajah 3

4. Amaun akan dipaparkan mengikut jenis bayaran.




Gambarajah 4

5. Sahkan jumlah kemasukan wang.

6. Transaksi selesai dan ambil resit.



TARIKH: 18/11/19 MASA: 11:16:23
CDM ID: 7259 CDM SEQ: 250239
LOKASI: TELUK INTAN,PERAK

TRANSAKSI :IPT/BILL PRESENTMENT

BILLER : POLI
BILL REF : 01000251RM200
IC NE : [redacted]

RM 10 X 0 = RM 0
RM 20 X 0 = RM 0
RM 50 X 4 = RM 200.00
RM 100 X 0 = RM 0
JUMLAH = = RM 200.00

TRANSAKSI DITERIMA
KOD RESPONS: AA000

LAKUKAN PEMINDAHAN SEGERA
(IBFT) SECARA PERCUMA
BERMULA 01 JULAI 2018
PUSAT PANGGILAN:603 - 26 900 900

Gambarajah 5

7. Bagi pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman ulangi langkah 1 hingga 6 untuk Yuran Kolej Kediaman (RM60) **JIKA DITAWARKAN ASRAMA**. Bagi yuran **Setiap jenis bayaran hendaklah dibuat secara berasingan**.

**b. Kaedah menggunakan mesin *Auto Teller* (ATM) BIMB**

1. Pilih menu LAIN-LAIN.




Gambarajah 6

2. Pilih menu PEMBAYARAN BIL / YURAN IPT.




Gambarajah 7

3. Pilih menu YURAN IPT.




Gambarajah 8

4. Pilih Akaun Pembayar (akaun yang akan didebit).




Gambarajah 9

5. Masukkan No Kad Pengenalan pelajar.




Gambarajah 10

6. Klik menu Politeknik KPT untuk Yuran Pengajian RM200.




Gambarajah 11

7. Amaun akan dipaparkan mengikut jenis bayaran.




Gambarajah 12

8. Sahkan jumlah kemasukan wang.

9. Transaksi selesai dan ambil Resit.

10. Bagi pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman ulangi langkah 1 hingga 9 untuk Yuran Kolej Kediaman (RM 60/ RM 360/ RM630). **Setiap jenis bayaran hendaklah dibuat secara berasingan**.

**c. Kaedah menggunakan perbankan internet BIMB**

1. Layari www.bankislam.biz. Masukkan "USER ID" dan kata laluan.
2. Pilih "Bill Presentment".




Gambarajah 13

3. Pilih New Ic Number. Masukkan No Kad Pengenalan Pelajar pada ruang Kad Pengenalan dan klik "Submit".




Gambarajah 14

4. Senarai bil akan dipaparkan. Pilih bil yang hendak di bayar dan klik "pay". Klik menu Politeknik KPT untuk bayaran Yuran Pengajian RM200.00.


List of Bill Presentment

| Select | No | Biller | Bill Number |
|---|---|---|---|
| ◎ | 1 | Politeknik KPT | 01010000RM200 |
| ◎ | 2 | Politeknik KPT | 01010000RM630 |



Gambarajah 15

5. Maklumat bil yang hendak dibayar akan dipaparkan. Pilih "From account" yang hendak didebitkan. Sahkan jumlah amaun dan klik "pay".




Gambarajah 16

6. Klik Request i-access code untuk dapatkan nombor kod transaksi melalui sms. Masukkan no i-access code. Klik "Confirm" untuk meneruskan pembayaran.

7. Skrin berikut akan menunjukkan makluman bayaran yang telah dilakukan. Tekan "print" setelah transaksi berjaya sebagai bukti bayaran.

8. Ulangi langkah 1 hingga 7 untuk bayaran Yuran Kolej Kediaman. **Setiap jenis bayaran hendaklah dibuat secara berasingan.**



BANK ISLAM

**Bill Presentment Verification Confirmation (Step 3 of 3)**

**Transaction Status**

| | |
|---|---|
| **Status** | Successful |
| **Date / Time** | 24-Jun-2019 11:20:16 MYT |
| **Reference Number** | 112798146491 |

**Payment Details**

| | |
|---|---|
| **From Account** | Savings Account - [redacted] |
| **Biller** | POLI |
| **Bill Number** | 01010000RM200 |
| **Student Name** | MUHAMMAD |
| **Student Number** | |
| **Amount** | MYR 200.00 |
| **Charge Amount** | MYR 0.50 |

© Bank Islam Malaysia Berhad (98127-X). All rights reserved.



Gambarajah 17

## 2.8 PENEMPATAN KOLEJ KEDIAMAN

a. Kolej Kediaman disediakan kepada pelajar yang layak.

b. Pada **Sesi I 2021/2022** pelajar diwajibkan untuk **mengisi borang permohonan kamsis** bagi **persediaan kemasukan secara fizikal**. Pelajar perlu mengisi borang permohonan kamsis di **sistem SPMP** mulai **1 Oktober 2021 hingga 15 Oktober 2021**. Sila rujuk **Lampiran C Manual Pengguna Permohonan Kamsis**.

c. Pembayaran Yuran Kolej Kediaman hendaklah dijelaskan setiap semester bagi yang layak pelajar menduduki Kolej Kediaman. (Rujuk Jadual Yuran Pengajian dan Bayaran Pelbagai di Politeknik)

d. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil,

tilam, bantal,almari, meja dan kerusi. Cadar dan sarung bantal serta keperluan peribadi lain hendaklah dibawa sendiri.

e. Pelajar yang ditawarkan Kolej Kediaman dilarang membawa sebarang kenderaan.

## 2.9 TAJAAN PENDIDIKAN

a. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.
b. Pelajar dinasihatkan untuk memohon pinjaman pendidikan jika perlu.
c. Penaja utama bagi pelajar di Politeknik Merlimau, Melaka adalah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
d. Berikut adalah carta alir permohonan PTPTN:

## 2.10 PROSES PERMOHONAN PTPTN

**1**

Menerima Tawaran Kemasukan ke Politeknik.

**2**

Beli No Pin PTPTN di mana-mana cawangan BankSimpanan Nasional (BSN).

**3**

Membuka Akaun SimpananBank Islam Berhad (BIMB).

**4**

Memohon secara online di laman http://www.ptptn.gov.my/gateway (Tarikh tutup permohonanmengikut jadual yang telahditetapkan oleh PTPTN).

**5**

Semak Status Permohonan PTPTN
dilaman web yang sama.

**6**

Setelah permohonan diluluskan, cetak Borang Perjanjian PTPTN (2 set) rujuk senarai semak di borang tersebut.

**7**

Tarikh Penyerahan Dokumen Perjanjian PTPTN akan diumumkan oleh Pegawai Biasiswa, PMM melalui pemakluman kepada Penasihat Akademik dan memo yang berkaitan.

**8**

Menyerahkan dokumen PTPTN kepada pegawai PTPTN.

**9**

Dokumen Perjanjian PTPTN akan diproses dan duit pinjaman akan dimasukkan ke dalam akaun pelajar.

e. Bagi pelajar yang **ingin memohon pinjaman lain,** pelajar boleh merujuk kepada senaraipenaja dan layari laman web yang tertera di bawah untuk maklumat lanjut:

| Bil. | Nama Penaja | Laman Web |
|---|---|---|
| 1 | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | http://www.ptptn.gov.my |
| 2 | Yayasan Negeri Sembilan | http://www.yns.gov.my/v6/ |
| 3 | Yayasan Terengganu | http://www.ytrg.terengganu.gov.my |
| 4 | Yayasan Sarawak | http://yayasansarawak.org.my |
| 5 | Yayasan Sabah | http://www.ysnet.org.my |
| 6 | Yayasan Pahang | http://www.yp.org.my |
| 7 | Yayasan Selangor | http://www.yayasanselangor.org.my |
| 8 | Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor | http://www.selangor.gov.my |
| 9 | Yayasan Perak | http://www.yayasanperak.com.my |
| 10 | Yayasan Wilayah Persekutuan | http://www.yayasanwp.org |
| 11 | Yayasan Pelajaran Johor | http://www.ypj.gov.my/v1/ |
| 12 | Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) | www.yakin.kelantan.gov.my |
| 13 | Lembaga Kemajuan TanahPersekutuan (Felda) | http://www.felda.net.my/index.php/bantuan - pinjaman-pendidikan |
| 14 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | http://www.mara.gov.my/ |
| 15 | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | http://www.jpa.gov.my |

## 2.11 PROSEDUR PERMOHONAN TUNTUTAN BALIK YURAN

a. Proses tuntutan yuran **HANYA** dibenarkan kepada yang mempunyai kesilapan pembayaran yuran dan tuntutan bagi pelajar yang akan / sudah berhenti politeknik.

b. Tuntutan mesti dibuat pada tahun semasa melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Merlimau sahaja.

c. Tuntutan bagi Bayaran Yuran Pengajian dan Asrama boleh dibuat melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Merlimau dan akan dipanjangkan kepada Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Putrajaya.

## 2.12 PROSES TUNTUTAN YURAN PENGAJIAN / YURAN ASRAMA

**1**

Permohonan dibuat melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) sahaja.

**2**

Pelajar perlu mengemukakan:

- **Borang Permohonan** tuntutan balik yuran - diperolehi di JHEP
- **Surat Rasmi** tuntutan balik yuran
- Salinan **kad pengenalan (perlu disahkan)**
- Salinan **surat tawaran kemasukan ke Politeknik**

**3**

- **Resit asal pembayaran yuran** yang jelas dan terang **(Perlu ditampalkan pada kertas A4)**
- Salinan **penyata akaun** bagi mana-mana **akaunbank pelajar yang aktif (perlu disahkan)**

**4**

Permohonan akan dipanjangkan kepada **Bahagian Kewangan, Jabatan Pendidikan Politeknik, Putrajaya.**

**5**

Tempoh pembayaran balik mengambil masa **lebihkurang 8 hingga 12 bulan.**

**6**

Pembayaran balik yuran **akan dibayar terus ke dalam akaun pelajar**

## 2.13 RUPA DIRI PELAJAR SEPANJANG PENGAJIAN

Secara umumnya pelajar hendaklah **sentiasa** berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan bersopan. **Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.**

**Panduan Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Semasa Sesi Perkuliahan & Aktiviti di Kampus:**

| Pelajar Lelaki | Pelajar Perempuan |
|---|---|
| **BAJU/PAKAIAN** | |
| 1. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.<br>2. Baju-T tidak berkolar adalah dilarang. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan mestilah tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.<br>3. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar *(tuck-in).*<br>4. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.<br>5. Pemakaian Baju Melayu @ Baju Kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta samping dan songkok hitam. | 1. Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.<br>2. Baju -T tidak berkolar adalah dilarang. Baju-T jenis berkolar yang dibenarkan mestilah tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar atau negatif.<br>3. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu dan belakang adalah dilarang.<br>4. Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai ke pergelangan tangan.<br>5. Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.<br>6. Pelajar bukan Islam dilarang memakai '*skirt*' yang lebih pendek dari paras lutut. |
| **SELUAR** | |
| 1. Seluar '*slack*' panjang.<br>2. Seluar ***'JEANS'* TIDAK** dibenarkan.<br>3. Seluar dengan 'poket yang banyak' dan bertampal-tampal tidak dibenarkan. | 1. Seluar '*slack*' panjang.<br>2. Seluar ***'JEANS'* TIDAK** dibenarkan.<br>3. Seluar dengan 'poket yang banyak' dan bertampal-tampal tidak dibenarkan.<br>4. Jika memakai Sarung/'*Maxi*' hendaklah labuh, longgar, tidak jarang & tidak ketat. |
| **KASUT** | |

| | |
|---|---|
| 1. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dansempurna berstoking.<br>2. Kasut sukan dibenarkan.<br>3. Selipar, terompah, capal, sandal dan seumpamanyaadalah dilarang.<br>4. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bisingadalah dilarang. | 1. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dansempurna berstoking.<br>2. Kasut sukan dibenarkan.<br>3. Selipar, terompah, capal, kasut 'platform' danseumpamanya tidak dibenarkan.<br>4. Kasut yang berladam logam yang berbunyi bisingadalah dilarang.<br>5. Kasut mestilah menutup jari kaki dan tumit. |
| **RAMBUT** | |
| 1. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakangtidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.<br>2. Rambut berfesyen seperti *'afro', 'punk', 'mohawk'*,*'k-pop',* berekor dan diwarnakan adalah dilarang.<br>3. Tidak botak kecuali yang disyariatkan agama. | 1. Pelajar Islam wajib memakai tudung seperti yang disyariatkan Islam.<br>2. Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajarperempuan.<br>3. Rambut berfesyen seperti *'afro', 'punk', 'mohawk'*, *'k-pop',* berekor dan diwarnakan adalah dilarang. |
| **PERHIASAN** | |
| 1. Sebarang bentuk perhiasan adalah dilarang melainkan cincin. Cincin emas adalah dilarang.<br>2. Hanya sebentuk cincin sahaja dibenarkan. | 1. Tidak digalakkan memakai barang kemas.<br>2. Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan dilarang.<br>3. Hanya sebentuk cincin sahaja dibenarkan. |



Gambarajah 1: Contoh Etika Pemakaian Yang Dibenarkan Sepanjang Sesi Perkuliahan bagi Pelajar Lelaki




Gambarajah 2: Contoh Gaya Potongan Rambut Pelajar Lelaki Yang Dibenarkan.



Gambarajah 3: Contoh Etika Pemakaian Yang Dibenarkan Sepanjang Sesi Perkuliahan bagi Pelajar Perempuan

## 2.14 KENDERAAN PELAJAR

a. Pelajar asrama **TIDAK DIBENARKAN membawa kenderaan bermotor.**

b. Pelajar yang tinggal di luar asrama, memandu kenderaan sendiri hendaklah mendaftarkan kenderaan masing-masing dengan membeli **PAS KENDERAAN** (bawa bersama lesen memandu dan cukai jalan/insuran lesen yang salah di Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang dikhaskan sahaja. Sila Rujuk Papan Tanda dan Arahan Pengawal Keselematan.

## 2.15 KAWASAN LARANGAN MEROKOK

Kampus Politeknik Merlimau merupakan KAWASAN LARANGAN MEROKOK. Pelajar boleh dikenakan tindakan disiplin sekiranya ditangkap merokok di mana-mana kawasan di dalam kampus.

## 2.16 PETIKAN AKTA INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (AKTA 174)

### a. Kehadiran ke kuliah

Kehadiran ke kuliah adalah wajib. Pelajar hendaklah dengan seberapa segera memberitahu pensyarah yang berkenaan sebab-sebab tidak hadir yang memuaskan hatinya dan mendapatkan kelulusan mengenainya.

### b. Pakaian dan Penampilan Diri

Pelajar hendaklah berpakaian secara sopan atau bersesuaian ketika menghadiri kuliah, tutorial, peperiksaan, kelas, bengkel atau ketika melibatkan diri atau menghadiri apa-apa aktiviti sama ada di dalam atau di luar kampus atau semasa berada di mana-mana bahagian di dalam kampus.

**c. Kad Pelajar**

Pelajar hendaklah memakai Kad Pelajar pada bila-bila peristiwa dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Kad pelajar hendaklah dipakai ditempat yang sesuai dan mudah dilihat. Sebarang pengubahsuaian terhadap kad pelajar adalah dilarang sama sekali.

**d. Berjudi dalam Kampus**

Tiada seseorang pelajar, dan tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh mengorganisasi, mengurus, menjalankan atau membantu dalam mengorganisasi, mengurus atau menjalankan, atau menyertai, apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam kampus.

**e. Minum Atau Memiliki Minuman Keras Dan Mabuk**

Tiada seseorang pelajar boleh meminum atau ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras di dalam kampus.

**f. Bahan Lucah**

Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa- apa bahan lucah di dalam kampus.

**g. Dadah Dan Racun**

Tiada seseorang pelajar boleh ada dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa- apa dadah atau racun.

**h. Kebersihan Dalam Kampus**

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjejas kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau kebersihan atau kekemasan mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, taman atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam kampus.

**i. Membuat Bunyi Yang Menggusarkan Dan Mengganggu**

Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan diterbitkan apa-apa bising atau bunyi, dengan apa-apa jalan atau dengan apa-apa cara, jika bising atau bunyi itu menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada orang lain di dalam kampus.

**j. Tempat Tinggal Dan Tempat Tidur Di Kampus**

Tiada seseorang pelajar boleh menggunakan atau menyebab digunakan mana-mana bahagian kampus atau mana-mana bahagian daripada mana-mana bangunan di dalam kampus sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempatyang disediakan baginya dalam asrama dalam Institusi.

**k. Larangan-larangan Am**

Seseorang pelajar tidak boleh berkelakuan, samada di dalam atau di luar kampus,secara yang boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan, kesentosaan atau namabaik Institusi, atau kepada kepentingan, kesentosaan atau nama baik mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Institusi, atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam, atau kepada akhlak, kesopanan atau tatatertib.

**l. Larangan-larangan Am**

Jika seseorang pelajar tidak mematuhi atau melanggar sesuatu arahan atau kehendak yang sah yang diberi atau dibuat oleh mana-mana kakitangan, pegawai atau pekerja politeknik yang diberikuasa untuk memberi atau membuatnya dalam kampus, maka pelajar itu adalah bersalah atas suatu kesalahan tatatertib.

**m. Hukuman Tatatertib**

Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman yang berikut atau mana-mana dua tau lebih hukuman itu disatukan sekali:

i. Amaran;
